



Pelita Brunei

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

**AKHBAR
RASMI
KERAJAAN
NEGERI
BRUNEI**

TAHUN 24 BILANGAN 19

RABU 9HB MEI, 1979.

1399 رابو 11 جمادي الاخير

PERCHUMA



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Mohd Yusof junjong ziarah kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei sa-telah Istiadat Mengorniaikan Gelaran sempurna di-laksanakan.

SA-ORANG LAGI DI-KORNIKAN GELARAN PEHIN MANTERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei Sir Muda Hassanah Bolkiah Mu'izzaddin Wad-daulah telah berkenaan mengorniaikan Gelaran Pehin Manteri kepada Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof bin Mohd Tahir dalam satu Istiadat yang berlangsung di-Lapau di-sini pada hari Sabtu lalu.

Yang Mulia Awang Haji Mohd Yusof sekarang dikenali dengan gelaran Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia.

Chiri gelaran dalam istiadat yang di-laksanakan dengan penuh adat istiadat itu telah di-bachakan oleh Yang Mulia Mudim Haji Abdul Wahid bin Awang Besar.

Tuan Yang terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang Arthur Watson telah hadir di-istiadat mengorniaikan gelaran itu.

Turut juga berangkat ka-istiadat itu ia-lah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Sir Muda Omar Ali Saifuddin Saadul Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, YTM Paduka Seri Duli Pe-

ngiran Muda Jefri Bolkiah; Pembesar2 Negara, Orang2 Bergelar, Pengiran2 dan Ketua2 Jabatan Kerajaan.

Sementara itu Istiadat Mengagai terhadap Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar ibni Pg Bendahara Pg Muda Haji Hashim telah di-adakan pada hari Khamis lalu.

Istiadat yang di-langsungkan di-hadapan YTM Paduka Seri Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Muhammad Bolkiah itu ada-lah sa-bagai persediaan bagi istiadat pengorniaian gelaran Cheteria kepada YAM Pg Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar pada petang esok.



Yang Amat Mulia Pengiran Dato Seri Laila Jasa Muda Chuchu Besar.

Penulis perlu luaskan penulisan dalam bidang keilmuan

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awg Mahmud bin Hj Bakyr, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka menyeru penulis2 di-di-negeri ini supaya jangan hanya tertumpu kepada penulisan sastera-budaya, malah mereka harus men-seimbangi kapada penulisan keilmuan seperti penulisan buku teks yang sesuai dengan iklim sosio-ekonomi-politik negeri ini.

Kata-nya ada-lah menjadi kenyataan yang kita mashek kekurangan golongan penulis dalam bidang penulisan keilmuan kerana ia memerlukan bakat, ke-chenderongan dan pendidekan yang di-terima oleh sa-seorang itu sejak dari bangku sekolah lagi.

Beruchap dalam majlis penyampaian hadiah kapada pemenang2 mengarang cherita Majalah Mekar pada Sabtu, 28hb April yang baru lalu, Awg Mahmud men-sifatkan peraduan itu sa-bagai usaha untuk melihat kesuboran bakat penulisan kanak-kanak supaya apabila dewasa nanti mereka akan dapat bergiat dalam penulisan yang lebih luas sekop-nya bukan sahaja di-bidang sastera-budaya tetapi juga di-bidang keilmuan.

"Oleh sebab itu-lah sa-moga kanak-kanak yang berjaya dalam peraduan ini, atau mana2 sahaja kanak-kanak yang berbakat dalam penulisan, supaya akan dapat di-bimbing terus dalam bidang ke-chenderongan mereka itu,

dan Majalah Mekar ada-lah sentiasa bersedia menerima tulisan2 mereka yang bermutu serta sesuai untuk di-terbitkan", jelas-nya.

Menyentuh mengenai bidang penulisan kreatif, esei atau ulasan Awg Mahmud menjelaskan bahawa ia-nya mempunyai teknik penyampaian yang di-batasi oleh peratoran2 tertentu.

Menurut-nya penulisan kreatif sastera di-batasi oleh stail, bahasa dan nilai2 estetika, manakala esei di-batasi oleh teknik penyampaian yang sa-imbang berdasar kapada fakta dan bukan di-hanyutkan oleh emosi, sementara penulisan kritikan atau ulasan bergantung kapada kenyataan bukan hayalan yang terchetus dari perasaan atau dendam kesumat.

Kata-nya kritikan yang berdasar perasaan atau dendam kesumat akan mengandungi unsur2 'character assassination' dan 'slander' atau fitnah yang memburokkan nama sa-seorang atau kumpulan orang tidak akan di-layan oleh mana2 penerbitan yang sudah bertapak kuat dan mempunyai nama yang tinggi.

"Kerana pehak berkuasa penerbitan itu tahu bahawa apa yang di-namakan 'freedom of the press' itu ada batas-nya, seperti juga hal-nya dengan 'freedom of speech' atau 'freedom of expression' semua-nya tertaklok kapada undang2, tatasusila dan adat resam dalam sa-sebuah negeri itu", jelas Awg Mahmud.

Awg Mahmud seterusnya menjelaskan bahawa penulisan kritikan ada-lah satu bidang yang terpuji dan di-galati dalam dunia penulisan atau dunia keilmuan, dan di-negara2 maju penulisan ini merupakan satu sains yang di-ajarkan di-yayasan pendidekan tinggi.

Dan bidang penulisan seperti ini, kata-nya lagi, tidak dapat di-pisahkan daripada dunia penulisan kreatif seperti senisastera, senilukis dan bidang keilmuan yang lain. Sa-perti karya sastera Shakespeare, karya senilukis oleh Picasso, senimuzik oleh Mozart, teori ekonomi oleh Keynes dan teori fizik oleh Einstein yang semua-nya diberi ulasan yang berdasarkan fakta dan keilmuan dan ini-lah satu perkembangan yang sehat dan patut di-galakkan.

Awg Mahmud juga menyatakannya rasa kesal-nya kerana terdapat-nya 'penulis' yang menggunakan bakat mereka untuk menulis sa-suatu yang keji yang menchemarkan nama baik golongan penulis dalam masyarakat kita, orang seperti ini ada-lah parasait dalam dunia penulisan.

"Seperti juga hal-nya dengan benalu yang tumbuh pada pokok lain dan menghisap makanan daripada pokok itu, penulis parasait juga melakukan seperti itu yang akhir-nya akan melemahkan serta melumpuhkan kegiatan bidang penulisan di-negeri ini", bidas beliau.

Bagaimanapun Awg Mahmud bersukur kerana sa-bilangan besar penulis di-negeri ini ada-lah mereka yang bertanggung-jawab dengan jawatan2 penting yang mereka pegang dalam jurusan masing2, beliau penoh perchaya mereka akan terus bergiat dengan gigih, kerana kegigihan menghadapi chabaran masa dan keadaan ada-lah watak orang yang berjaya besar.

Kapada penulis2 di-negeri ini Awg Mahmud berseru supaya menyertai peraduan penulisan yang sedang di-anjarkan sempena sambutan tahun Hijrah 1400 dalam usaha memperbanyakan perbendaharaan penulisan dan menyumbangkan bakti menyemarakkan shif'ar Islam di-negeri ini.

Pendaftaran memasoki pra-sekolah 1980

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran bagi memasoki kelas2 pra-sekolah di-sekolah2 Melayu di-seluruh negeri bagi tahun 1980 sedang di-mulakan dan akan di-tutup pada 31hb Mei 1979.

Menurut Surat Keliling Jabatan Pelajaran, kanak-kanak yang di-terima untuk memasoki sekolah tahun depan itu ia-lah kanak-kanak yang di-lahirkan sa-belum 1hb Januari, 1975 ia-itu berumur tidak kurang dari 5 tahun pada 1hb Januari 1980.

Pendaftaran boleh di-buat di-sekolah2 yang berhampiran dengan tempat tinggal masing2. Ibu-bapa yang hendak mendaftarkan nama anak2 mereka ada-lah di-kehendaki mengisi Borang Permohonan Masok Sekolah JPPR No 3 sa-banyak tiga salinan yang boleh di-perolehi dari Guru2 Besar sekolah2 yang berkenaan. Mereka juga di-kehendaki membawa salinan asal Surat Beranak dan dua salinan (photostat) surat beranak tersebut.

Kempen X-ray di-teruskan

TUTONG. — Jabatan Perkhidmatan2 Perubatan dan Kesihatan akan meneruskan kempen meng-X-ray penduduk2 kampung di-Daerah Tutong. Rombongan pendaftar dari Bahagian Dada akan menjalankan pendaftaran dari rumah ka-rumah di-dua buah kampung dalam minggu ini. Rombongan itu akan berada di-Kampung Danau sa-lama tiga hari ia-itu mulai hari ini hingga 12hb Mei untuk menjalankan pendaftaran penduduk2 kampung tersebut.

Penduduk2 kampung tersebut akan menjalani penggambaran X-ray di-Rumah Sakit Tutong pada 14hb dan 15hb Mei. Jadual bagi mereka menjalani penggambaran itu akan di-berikan sa-masa pendaftaran di-jalankan.

Pada 16hb dan 17hb Mei, rombongan tersebut akan menjalankan pendaftaran di-Kampung Tanjong Maya. Mereka ini akan menjalani penggambaran pada 26hb Mei, 2hb dan 4hb Jun.



PENASEHAT Umom Kebawah DYMM, Yang Teramat Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Bakti Diraja Dato Laila Utama Awang Isa bin Pehin Datu Perdana Manteri Dato Laila Utama Awang Hj Ibrahim telah merasmikan penggunaan alat Komputer Penerbangan Diraja Brunei di-Bahagian Akauntan Sharikat tersebut di-ibu negeri pada hari Isnin lalu (gambar kiri).

Alat yang berharga \$100,000 itu di-sewa oleh Penerbangan Diraja Brunei dari Firma Komputer Antarabangsa Berhad di-Britain.

Alat tersebut ia-lah untuk mengendalikan kupon2 (memungut tiket2 penumpang pada sa-tiap penerbangan).

Sa-belum di-bawa meninjau alat tersebut, Yang Teramat Berhormat Pehin Isa telah dikenalkan terlebih dahulu kapada kaki tangan penerbangan tersebut dan kemudian di-berikan taklimat oleh Penguasa Kemajuan Alat Hitong, Dato Smith tentang bagaimana alat itu di-gunakan.

Kelihatan memerhati di-belakang Pehin Isa ia-lah Pengurus Umom RBA, Awang Allan Douglas dan Ketua Jurukira, Awg Anthony Chubb.



Pelita Brunei
DITERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

AKHBAR
HASRAT
Negeri
Brunei

9HB MEI, 1979

Penggerak kemajuan pembawa kesedaran

KALIMAT "Penggerak Kemajuan dan Pembawa Kesedaran" ini adalah suatu chabaran yang patut di-sahut oleh rakyat bumiputera di-negeri ini bagi membuktikan kebolehan kita dalam lapangan masing2.

Kalimat2 itu mustahil akan dapat di-gerakan atau di-bawa oleh orang2 yang tidak bertanggung-jawab dan rasa cinta terhadap Negeri Brunei Darussalam ini — sa-lain dari rakyat atau tegas-nya bumiputera-nya sendiri sa-bagai penggerak kemajuan dan pembawa kesedaran di-kalangan bangsa-nya sendiri — kalau bukan kitani siapa lagi?

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah sedang dan akan membelanjakan wang berjuta2 ringgit untuk kebajikan rakyat dan penduduk di-negeri ini dan berbagai2 projek serta rancangan telah di-lancarkan. Ini ada-lah sa-mata2 untuk meninggikan taraf hidup rakyat terutama di-kalangan kaum bumiputera yang hidup mati-nya di-negeri ini jua.

Zaman berchapak berapi2 dan semangat yang berkubar2 sahaja tidak akan dapat menjamin kemakmoran dan kemajuan sa-sebuah negara itu tanpa disertai dengan usaha yang gigih dan perasaan kesedaran yang bertanggung-jawab.

Berchup sa-belum menyampaikan siji2 kepada 23 orang Pelateh Pertanian di-Pusat Latehan Pertanian Sinaut pada minggu lalu, Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Dato Setia Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohd Taib mengingatkan bahawa tugas Pelateh Pertanian itu ia-lah untuk membawa dan menimbulkan kesedaran kepada saudara2 kita yang lain yang jarang2 di-datangi oleh mereka — ia-itu di-daerah pertanian.

Bukan-lah menjadi hasrat Kerajaan untuk menubuhkan Sekolah Pertanian, Kejuruteraan dan seumpama-nya itu sa-mata2 hanya sa-bagai menyambong persekolahan bagi pelajar2-nya, akan tetapi yang lebih penting ia-lah kepada mereka yang telah berjaya menjalani latehan itu di-harapkan akan menjadi penggerak kemajuan dan pembawa kesedaran di-kalangan rakyat atau kaum bumiputera yang maseh belum bergerak dan belum sedar.

Tegas Y. B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu, ada terdapat dakwaan bahawa hasil2 pertanian di-negeri ini banyak di-datangkan dari luar negeri atau pun di-usahakan oleh orang2 asing. Maka kaum bumiputera yang di-iktiraf sa-bagai orang yang berpengalaman dan berkebolehan di-lapangan berkenaan dakwaan itu ada-lah suatu chabaran kepada mereka. Masa-nya belum terlewat bagi kita untuk menyahut seruan dan chabaran itu — lebih2 lagi sa-belum menjelang tahun 1983 dan tahun2 berikutnya bagi membuktikan kebolehan kita terutama kaum bumiputera di-negeri ini. Dan ada-lah menjadi keyakinan serta kenyataan bahawa ada banyak kemudahan2 yang telah, sedang dan akan di-berikan oleh pihak Kerajaan bagi membantu mereka yang mencheborkan diri dalam lapangan pertanian, perusahaan, perniagaan dan seumpama-nya.

Menjelaskan dalam hasrat memajukan bangsa dan negara kita, Dato Setia Abdul Rahman menegaskan bahawa dasar2 yang baik dan persediaan infrastruktur ada-lah ibarat ayer akan sentiasa bergerak maju aliran-nya jika tiada halangan2, bagi menunaikan harapan bangsa dan negara. Dari itu rebut-lah peluang ke-emasan itu dan jangan-lah kita menjadi seumpama "Kera mendapat bunga"; yang di-maksudkan-nya kepada sa-siapa saja yang tidak pandai menghargai atau tidak pandai menggunakan sa-siapa benda yang di-berikan kepada-nya.

Mengenai beberapa halangan2 sa-waktu meneruskan usaha2 kita pada menchapai matalamat kemajuan yang di-hasratkan itu, ada-lah suatu perkara yang lumrah — dan sekira-nya terdapat juga halangan2 yang di-maksudkan itu, harus-lah di-ingat seperti kata Y.B. Pemangku Setia Usaha Kerajaan itu bahawa ada-lah menjadi tugas dan tanggung-jawab kita bersama untuk membuka halangan2 itu. Dan jika halangan2 itu terbit dari kita sendiri, kita perlu menilai pendirian kita, di-mana kita berpijak serta di-mana pula matalamat kita.

MUZIUM SA-BAGAI INSTITUSI PENDIDIKAN

KAPADA orang ramai, apabila di-sebut perkataan "Muzium" akan menimbulkan satu anggapan bahawa, Muzium ada-lah sa-buah bangunan yang mengumpulkan barang2 lama dan selalu-nya ini akan menimbulkan satu 'paibunan' yang mana selalu kita dengar antara kawan2 mengatakan: "Kasut, selipar, seluar dan baju2 yang burok dapat di-simpan di-Muzium" atau pun dengan lain2 perkataan yang menimbulkan satu keluchuan.

Tapi ada-kah sa-tengah di antara orang ramai mengang-gap bahawa Bangunan Muzium ini ada-lah selain daripada mengumpul barang2 lama ia-nya juga hanya-lah sa-bagai satu tempat yang tidak menarek, penoh dengan barang2 yang tidak di-gunai dan boleh di-katakan sa-bagai 'tong-sampah' negara.

Dalam hal ini, saya akan menchuba untuk menggambarkan apa yang sebenar-nya berkenaan dengan Muzium sa-laras dengan zaman sains dan teknologi ini. Jadi apa-kah sebenar-nya erti-kata Muzium itu?

"Muzium ada-lah satu yayasan (Institution) di-mana barang2 dan bahan2 yang berkaitan dengan manusia, begitu juga dengan bahan2 kejadian alam dan tumbuhan di-kumpulan. Muzium mengumpul barang2 yang berkaitan dengan segala aktiviti2 manusia tentang chara2 mereka menchari nafkah, bagaimana mereka bergaul antara satu kaum dengan kaum yang lain (Kisaran Padi), bagaimana mereka mengisi masa2 lapang mereka sehari-hari (Gasing & Cungkak), dan macham mana mereka menchuba untuk memahami dunia mereka dengan mengauti ugama mereka masing2 (Ukiran) dan begitu juga barang2, tumbuhan di-sekeliling mereka di-mana manusia2 itu hidup (Natural History). Jadi-nya semua barang2 yang ada itu dapat memberi bayangan dan keadaan mengenai dengan manusia2 yang hidup pada satu2 zaman-nya.

KUMPOLAN:

Mengumpul barang2, bahan2 kejadian Alam dan tumbuhan ada-lah merupakan satu daripada tujuan asas dan utama Muzium. Dapat-lah di-ertikatakan bahawa "Sa-buah Muzium itu mesti-lah mengandungi barang2 kumpulan, dan jika Muzium itu hanya merupakan satu tempat untuk mengadakan pameran dan tidak mempunyai kumpulan barang2 dan bahan2, ini hanya merupakan satu tempat pameran dan ia-nya bukan-lah di-katakan Muzium yang sebenar-nya".


Selain dari itu, tujuan Muzium untuk mengumpul barang2 dan bahan2 itu ia-lah untuk di-pamerkan sa-laras kumpulan di-buat. Tujuan yang ketiga ia-lah juga sa-bagai satu tempat yayasan pendidikan. Boleh-lah di-katakan bahawa tujuan Muzium ada-lah terbahagi kepada tiga jurusan. Ketiga-tiga jurusan ini ada-lah

TERDAPAT beberapa pandangan dan pendapat yang bersebab mengenai dengan asas2 perkhidmatan dan peranan Muzium bagi kalangan penduduk2 Brunei. Pandangan2 atau pendapat2 itu menimbulkan beberapa kompleksiti di-kalangan pelajar2 khusus-nya dan umum-nya bagi kalangan yang ingin mengetahui sa-chara lebih mendalam mengenai dengan Muzium di-Brunei itu.

Untuk membantu menguraikan kekusutan itu, ada-lah di-fikirkan berfaedah di-starkan renchana "Muzium Sa-bagai Institusi Pendidikan" ini yang di-tuliskan oleh Timbalan Pengarah Muzium2 Brunei, Awang Lim Jock Seng.

Mudah2an renchana ini akan menjadi jalan pandu untuk mengetahui sa-chara lebih dekat lagi tentang perkhidmatan dan peranan Muzium itu. — Pengarang.

saling berhubung-rapat di-antara satu dengan lain, sa-bagai-mana gambaran rajah 3 segi.



Jika kumpulan itu tidak di-pamerkan ia-nya juga di-anggap tidak berguna, dan begitu juga benda2 itu tidak akan dapat di-pamerkan jika tidak ada kumpulan, dan dapat di-simpulkan bahawa tujuan2 kumpulan dan pameran itu di-adakan memang-lah ka-arrah pendidikan dan bukan-lah pameran2 yang di-adakan itu ia-nya tidak mempunyai apa2 tujuan.

Sa-belum saya memberi penerangan2 selanjut-nya berkenaan dengan tajok "Muzium Sa-bagai Yayasan Pendidikan". Saya ingin pula menarek perhatian Awang2/Dayang2 untuk memberi penerangan selanjut-nya berkenaan dengan tujuan kumpulan dan pameran itu di-adakan, sa-laras itu baharu-lah kita bersama-sama meninjau ka-arrah perbincangan topik "Muzium Sa-bagai Yayasan Pendidikan".

KUMPOLAN:

Tujuan kumpulan, sa-bagai-mana yang saya terangkan tadi, sa-buah Muzium mesti-lah mempunyai satu kumpulan bahan2, jika bahan2 itu berkaitan dengan manusia dan chara hidup-nya (ethnographi), ini dapat-lah di-panggil Muzium Kaji-bangsa, jika kumpulan itu hanya berkaitan dengan binatang2 dan burung2 atau tumbuhan2 ini ada-lah sa-buah Muzium Kejadian Alam (Natural History), dan jika kumpulan ini berkaitan dengan Lukisan ia boleh di-katakan Muzium Lukisan.

Satu pertanyaan barangkali timbul tentang apa yang sepatut-nya di-kumpulkan itu, adakah apa saja yang berkaitan perlu di-kumpulkan, sa-umpama burung 'Kalijiau' / Murai yang mengumpul apa saja bahan2 dengan tidak memelihara atau membedakan bahan2 itu untuk di-jadikan sa-bagai bahan untuk membuat sarang-nya. Jika mengikut langkah2 ini, ia-nya sudah tentu akan menimbulkan satu kumpulan yang tidak ter-

had dan mendatangkan masa-alah penempatan dan lain2-nya.

Dalam fikiran saya, dengan memandang dan memikirkan keadaan di-Brunei, amat-lah mustahak Muzium mengumpul bahan2 dan barang2 kebudayaan orang2 Brunei, seperti bahan2 yang berkaitan dengan chara2 mereka menchari mata pencharian, chara2 bergaul dan chara2 mengisi masa lapang mereka dan chara2 mereka mengauti Ugama mereka dan begitu juga dari segi bahan2 Kejadian Alam yang mana pada masa ini beransur-ansur hilang kerana tekanan Perindustrian dan Perbandaran yang semakin sa-hari semakin pesat.

Kita ambil satu misalan, di-mana binatang2 dan burung2 yang berbagai-bagai jenis pada masa dulu banyak kita lihat dan dapat di-Bandar Seri Begawan, tetapi sekarang ini, barangkali yang hanya dapat dilihat berterbangan ia-lah burung2 Selangkiri, dan burung2 yang lain jarang2 kita lihat dan dapat. Dalam tahun 50 dan 60an dulu, kita perhatikan di-negara Kampong Ayer, alat2 penangkap ikan seperti 'Rambat' yang selalu di-jemur di-pantaran 'Verandah' rumah yang saya rasa ada-lah melambangkan alat2 asli untuk menangkap ikan di-Brunei; sekarang ini jarang kita lihat lagi. Tetapi apa yang nampak, ia-lah T.V. Aerial.

Dari sini-lah betapa mustahak-nya Muzium mengumpul barang2 dan bahan2 Kejadian Alam dengan tujuan supaya jenerasi yang akan datang walaupun tidak dapat melihat benda2 itu dengan kejadian dan suasana penggunaan-nya yang sa-benar, tetapi boleh-lah melihat bahan2 itu di-Muzium. Ini-lah tujuan utama dan tujuan mustahak bagi mengumpul barang2 dan Kejadian Alam, dan bukan-nya mengumpul apa saja barang2 yang tidak mempunyai unsur2 sejarah, seperti kasut, selipar, baju2 yang burok seperti mana yang selalu kita dengar dalam perbualan2 daripada orang2 ramai.

PAMERAN:

Kemudian, saya terangkan pula tujuan2 Pameran: Sa-laras barang2 dan bahan2 Kejadian Alam itu di-kumpulkan ia-nya akan di-daftarkan sa-terus-nya di-pelihara dan penyiidekan yang tertentu akan di-buat untuk mengesan asal-usul barang2 tersebut. Seperti Bedil. Daripada bentuk dan keadaan serta ukiran2 yang ada pada Bedil tersebut, kita akan dapat mengenali

darimana ia-nya di-perbuat dan apa-kah jenis ataupun nama Bedil itu yang sa-benar-nya.

Jika bahan2 ini hanya di-simpan di-Muzium dengan tidak dapat di-lihat oleh orang ramai, ini tidak-lah menjadi sa-bagai bahan2 yang berguna. Tujuan matalamat ada-lah untuk pendidikan, barang2 ini mesti-nya di-pamerkan kepada orang ramai atau di-bolehkan barang2 itu di-lihat untuk membuat pendidikan2 tertentu.

Tujuan kedua — Muzium, ia-itu sa-laras pengumpulan bahan2 tadi, ia-nya akan membuat pameran khas untuk orang ramai dan penuntut2 serta para penyelidik2 yang tertentu. Pameran di-buat sa-chara pameran tetap, pameran sementara yang barangkali memakan masa 2 atau 3 bulan atau pameran bergerak di-mana pameran itu dapat di-bawa dari satu tempat ka-satu tempat lain dan Muzium ini dapat di-anggap sa-bagai sa-buah Muzium yang tidak berbilang oleh sebab kegiatan2 Muzium ini tidak terhad di-bangunannya sahaja. Tema pameran itu pula ada-lah menjadi tanggung-jawab Kurator2 yang tertentu di-bahagian masing2.

Misal-nya di-Muzium Brunei pada masa ini, kumpulan2 telah di-pamerkan dan Muzium sendiri mempunyai 6 Dewan Pameran tetap.

Dewan Pameran 1 — ia-nya mempamerkan alat2 penangkap ikan dan binatang yang mana menunjukkan sa-bahagian daripada chara2 penduduk di-Brunei menchari nafkah sa-lain daripada mereka itu bekerja dengan Kerajaan dan Sharikat2.

Dewan Pameran 2 — Mempamerkan dan menunjukkan teknologi2 baru dan chara2 pengaliran minyak serta juga sejarah2 Minyak di-Brunei.

Dewan Pameran 3 — Menunjukkan bahan2 Kejadian Alam, di-mana terdapat binatang2 dan tumbuhan2 di-Brunei.

Dewan Pameran 4 — bahagian Pameran Kaji Manusia yang menunjukkan bahan2 sejarah dan kebudayaan orang di-Borneo, bagaimana chara2 mereka menchari nafkah, chara2 mereka mengisikan kehidupan mereka dalam masa lapang, dan bagaimana chara2 mereka untuk menchuba memahami keadaan di-sekeliling mereka dan juga chara mereka dapat hidup berdamai dengan keadaan2 itu, seperti chara2 menggunakan barang2 di-sekitar-nya untuk kehidupan2 mereka.

Dewan Pameran 5 — Mempamerkan barang2 pechah-belah daripada Negeri China, Siam, Jepun, Annam, ini dapat menunjukkan sejarah perhubungan perdagangan di-Negeri Brunei dengan negara2 luar.

Dewan Pameran 6 — Mempamerkan rumah2 Asli, di-mana kita dapat melihat bagaimana kaum2 di-Brunei menggunakan bahan2 di-sekitar-nya untuk membangun rumah2 mereka. Di-samping itu juga, pameran sementara telah pun di-adakan dari masa ka-senama seperti pameran dalam bahagian Bina-batu, bahagian Kaji Purbat dan begitu juga dengan pameran bergerak seperti yang pernah di-adakan di-Sekolah Arab Hassanah Bolkiah, di-Dewan Kemasharakatan Kuala Belait.

Lihat muka 16

Jadual lawatan Perpustakaan Bergerak bagi 12hb hingga 16hb Mei, 1979

TEMPAT PERSINGGAHAN	TARIKH	HARI	MASA
Sekolah Melayu Birau	12.5.1979	Sabtu	1.30- 2.30 petang
Sekolah Melayu Kiudang	12.5.1979	Sabtu	2.45- 3.45 "
Sekolah Melayu Lamunin	12.5.1979	Sabtu	4.00- 5.00 "
Sekolah Ingeris Berakas (Bhg. Rendah)	14.5.1979	Isnin	2.00- 3.00 "
Berhadapan Kedai, Kampong Perpidahan	14.5.1979	Isnin	3.30- 4.30 "
Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok	15.5.1979	Selasa	8.30- 9.30 pagi
Sekolah Melayu Dato Mahawangsa, Lambak	15.5.1979	Selasa	10.30-11.30 "
Sekolah Melayu Dato Gandhi	16.5.1979	Rabu	8.30- 9.30 "
Sekolah Melayu Serasa	16.5.1979	Rabu	10.00-10.30 "
Sekolah Melayu Mentiri	16.5.1979	Rabu	10.45-11.15 "
Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar	16.5.1979	Rabu	11.30-12.00 T/Hari

KITA terus lagi memetek fatwa Yang Dimuliakan Sahibul Fadzilah Pehin Mufti Brunei mengenai ajaran2 kufur puak Bahai, yang mempunyai pokok ajaran-nya mengaku jadi Nabi sa-lepas Nabi Muhammad s.a.w. seperti juga iktikad Qadiani.

Dalam fatwa sa-banyak 40 muka itu, terdapat juga beberapa petekan tulisan dan fatwa oleh ulama2 seperti Al-'Allamah As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad Mufti Johor, Al-'Allamah Ash-Sheikh Mustafa Naja Mufti Beirut, Al-'Allamah Husnin Mu-hammad Makhluf Mufti Kerajaan Mesir, Al-'Allamah Al-Alusi Pengarang Kitab Tafsir Al-Ma'ani, Al-'Allamah As-Syed Murtadza Az-Zabidi serta beberapa petekan majalah luar negeri seperti Al-Minbar dan Al-Fath dan juga kitab2 ugama.

Al-'Allamah As-Syed Murtadza Az-Zabidi ketika mensharahkan kata2 Al-Gha-muhammad S.A.W. ITU DI-HANTARKAN OLEH ALLAH KAPADA MA-


NUZIA MENJADI PE-NYUDAH NABI2) ring-lasan kata-nya: "Ini-lah barang yang telah sa-kata Ulama Ahlus Sunnah dan telah thabit dengan nas Kor'an dan Hadith Nabi. Firman Allah Ta'ala Surah Al-Ahzab ayat 40 erti-nya: "... Tetapi dia (Muhammad itu) Rasul Allah dan penyudah Nabi2" (da-lam naskhah asal fatwa, nas ayat ada-lah di-sebut — Pe-nulis). Dan Hadith, erti-nya: "Bahawasa-nya aku ia-lah penyudah sekalian Na-bi2" (dalam fatwa ada di-sebut nas asal-nya dalam bahasa Arab — Penulis). Sabda-nya lagi, erti-nya: "Tidak ada Nabi sa-lepas aku" (dalam fatwa hanya di-sebut nas asal-nya sahaja dalam bahasa Arab tanpa terjemahan — Penulis), dan ijma' yakni sa-kata Ulama Islam pada mengkufurkan orang yang mengaku jadi Nabi sa-sudah Nabi Mu-hammad. Dengan keterang-an2 ini Ulama Hadith telah berdalil pada mengkufurkan orang yang mengaku men-jadi Nabi sa-sudah Nabi Muhammad."

Dalam kitab Majma'ul Anhar: Ada pun beriman kapada Syedina Muham-mad 'Alaihis Salatu Wassalam itu WAJIB, bahawasa-nya ia (Muhammad) itu Ra-sul kita sekarang ini dan penyudah sekalian Nabi2 dan Rasul2. Kira-nya (ada — Penulis) sa-orang (yang — Penulis) perchaya baha-wasa-nya Muhammad itu Rasul dan (tetapi — Penulis) tiada ia perchaya yakni beriman bahawa ia (Muham-mad) itu penyudah sekalian Nabi2, neschaya tiada-lah ia orang itu — Penulis) men-jadi sa-orang yang beriman. Wallahu A'lam."

Fatwa ini, menurut Sahi-bul Fadzilah Pehin Mufti ada-lah satu dari lima fatwa Ulama Sham, yang telah di-siarkan oleh majalah Al-Fath Mesir bilangan 254, Khamis 24hb Muharram, 1350 dan telah di-salin ke-mudian-nya oleh majalah Ar-Rabithah yang di-terbit-kan di-Betawi Jakarta di-tanah Jawa Indonesia pada tahun 1350 Hijrah dan telah

FATWA DALAM FATWA MENGENAI BAHAI

Siri ke-36



GAMBAR ini ia-lah sa-buah poster kain yang berukoran (38x26) inci yang sama besar-nya dengan yang telah di-siarkan pada minggu lepas. Poster ini menerangkan tentang susunan ugama2, Nabi2 dan tahun2 ke-lahiran menurut kepercayaan Bahai. Chuba perhatikan, sa-lepas Islam dan Nabi Muhammad ia-lah UGAMA BAB dan BAHAI serta NABI2 me-reka: BAB (Mirza Ali Muhammad Al-Bab Ash-Shairazi) dan BAHAI-ULLAH (Mirza Hussein Ali Al-Bahai) — Penulis.

di-naqalkan (di-pindah/di-salin — Penulis) oleh Mau-lana Abdul Halim As-Sed-diqli rahimahullah, penyeru Islam yang terkenal, dalam kitab-nya *Haqiqatul Mir-zaiyyin Lasiama Al-Qadia-niyyin Wallahoriyyin Al-Ma'rufina Bilahmadiyah* da-lam bahasa Arab di-chetak di-Betawi.

Al-'Allamah Ash-Sheikh Al-Alusi pengarang kitab tafsir yang terkenal, *Rohol Ma'ani* yang mati pada tahun 1270 Hijrah di-Baghdad telah berkata dalam tafsir-nya ketika men-tafsirkan ayat 40 Surah Al-Ahzab yang bermakna: "... Te-

tapi dia (Muhammad itu) Ra-sul Allah dan penyudah Nabi2." Kata-nya: Telah keluar pada masa kita ini suatu puak dari-pada pelampau2 orang Shi'ah, yang menggelarkan diri mereka orang Babiyyah. Mereka itu mempunyai beberapa masaalah dalam perkara *Khatamun Na-biyyin*. Orang2 yang waras akal fikiran mereka menghukumkan kufur orang2 yang perchayakan masaalah2 mereka itu. Hampir2 mereka itu bertapak di-Baghdad, (ia-itu — Penulis) sa-kira-nya dengan tiada himmah Governor Baghdad menghanchorkan pakatan orang2 Babiyyah itu ..."

Majalah Al-Fath yang keluar di-Mesir telah menyiarkan fatwa Jawatankuasa Fatwa Universiti

oleh2 dari PERSIDANGAN ISLAM ASIA YANG PERTAMA



H.A. AZIZ JUNED

Al Azhar berkenaan kufur dan murtad puak Bahai atau Bahaiyyah.

Front Ulama Islam Mesir telah menentang puak Bahaiyyah itu.

Mahkamah Shari'yyah dan Mahkamah Sivil Mesir dan Mahkamah Majlis Negara Mesir telah menghukumkan kufur dan murtad orang yang berik-tikad dan beramal dengan ajaran orang2 Bahaiyyah.

Mufti Mesir Al-'Allamah Hus-nin Muhammad Makhluf dan Jawatankuasa Fatwa Universiti Al-Azhar telah memberi be-berapa fatwa mengkufurkan Bahaiyyah.

Al-'Allamah As-Syed Ridza, tuan punya majalah Al-Manar Mesir telah mengkufurkan puak Bahaiyyah dalam tafsir Al-Manar dan Al-Wahyu Al-Mu-hammadi.

Beberapa Ulama Azhar telah mengarang kitab mengkufurkan puak Bahaiyyah, seperti Al-'Allamah As-Syed Muhammad Al-Khadzr Hussein dalam *Al-Babiyyah Awil Bahaiyyah* dan Al-Ustaz Ibrahim Muhammad Abdul Baqi dalam *Al-Bayan Fi Tashihil Iman*.

Demikian juga beberapa orang penulis Islam seperti Al-Ustaz 'Abbas Al-'Aqad dan Dr. Ahmad Shalabi dalam kitab2 karangan mereka telah me-nyatakan kufur puak Bahaiyyah.

Sahibul Fadzilah Pehin Mufti Brunei dalam fatwa-nya yang panjang lebar itu, telah memetek juga isi kitab *Anwarul Kor'an* karangan Al-'Allamah Mufti Johor, As-Syed 'Alwi bin Tahir Al-Haddad rahimahullah, yang menaqqalkan sa-tengah daripada tulisan yang pernah tersiar da-lam majalah Al-Azhar, keluaran Awal Safar, 1372 Hijrah ber-samaan 20hb. Oktober, 1952 Masehi.

Mula2 tentang fatwa yang di-keluarkan oleh Lajnah Fatwa Universiti Islam Al-Azhar me-nge-nai orang2 Bahai. Orang2 Bahai itu orang murtad keluar dari Ugama Islam.

Telah datang kepada Lajnah Fatwa Universiti Al-Azhar satu soalan, bunyi-nya:

1. Apa pendapat tuan pada (mengenai — Penulis) puak Bahaiyyah dan pengikut2-nya dari segi Ugama Islam?
2. Ada-kah orang2 yang men-jadi pengikut Bahaiyyah mempusakai orang Islam?

Ali Muhammad Al-Waqad 129, Shari' As-Saddul Barani Qismus Syedah Zainab, Mesir.

Kita petek antara lain jawapan dari Lajnah Al-Fatwa itu di-sini. Sa-telah memulangkan segala puji2an kepada Allah s.w.t., lalu Lajnah tersebut menerangkan: "... Bahawa mazhab Bahai itu ada-lah salah, bukan ia daripada Ugama Islam, baha-

kan bukan juga dari Ugama Ya-hudi atau Nasrani. Barang-siapa orang Islam yang berpegang dengan mazhab ini, ia jadi murtad keluar dari Ugama Islam. Kerana mazhab Bahai itu mengandongi 'akidah yang menyalahi Islam dan Islam menolak-nya dengan sunggoh2. Sa-tengah dari 'akidah Bahai itu mengaku jadi Nabi oleh sa-tengah2 ketua-nya, dan (malahan — Penulis) sa-tengah ketua-nya yang lain mengaku jadi Tuhan.

Menurut yang telah tetap da-lam shara', bahawa orang mur-tad itu tiada boleh mewarishi orang Islam dan yang bukan Islam. Oleh yang demikian orang yang berpegang dengan mazhab Bahaiyyah itu tiada boleh mewarishi yang lain sa-mata2 (sama sekali? — Penulis).

HUKUM AZHAR KA ATAS ORANG2 BAHAI

Telah di-petek dari majalah Al-Fath bilangan 665, Tahun ke-empat belas bertarikh 17hb Jamadil Akhir, 1358 Hijrah me-nge-nai keterangan tiga orang penuntut Universiti Al-Azhar yang telah di-berhentikan dan di-halau daripada menjadi penuntut di-sebabkan mereka me-nganut Bahai. Mereka itu ma-sing2 bernama Mahyuddin Sa-bri, Hussein Na'imi dan Naj-muddin Na'imi.

Keputusan Azhar itu di-sam-paikan melalui sa-puchok surat, berbunyi:

Hadzratul Ustaz Ketua Ruak Penuntut Kurdi.

Majlis mesyuarat Azhar yang telah bersidang pada 10hb Ja-madil Ula, 1343 Hijrah ber-samaan 7hb Disember, 1924 Masehi telah membuat keputus-an, ia-itu memotong nama2 tiga orang penuntut yang tersebut di atas daripada daftar Azhar de-ngan chara keputusan yang akhir (muktamad), kerana me-reka beragama dengan ugama yang sesat melawan puncha2 Ugama Islam, dan mereka itu bangun menyeru kepada ugama itu (Bahai — Penulis) dan meng-emarkan orang kepada-nya, dengan berbagai-bagai helah. Di-tulis surat perintah ini ka-pada tuan bagi tuan sempurna-kan.

Abdul Aziz Kassim Setiausaha Universiti Al-Azhar Muhammad Abul Fadzl Ketua Agong Universiti Al-Azhar.

Al-'Allamah Mufti Mesir, Ash-Sheikh Husnin Muhammad Makhluf dalam Fatwa Shar'iyyah Wa Buhuth Islamiyyah m.s. 85 chetakan Mustafa Al-Halabi Mesir, tahun 1965 Masehi, ber-kata: "Majlis Negara Mesir mengiktibarkan orang2 Islam yang menganut ajaran Bahai itu sa-bagai murtad dan nikah-nya batal menurut segi shara' Islam."

(BERSAMBONG)

SHORT — WAVE SERVICE ENDS ON SEPTEMBER 1

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Controller of Radio Television Brunei Dato James Millar has announced the close-down of Radio Brunei's short-wave service which will take place on 1st September this year.

This follows the introduction of new High Power Medium Wave transmitters

carrying Radio Brunei's Malay Service, and also the introduction of the new F.M. Transmitters which carry both the Malay and English/Chinese Services and which give F.M. stereophonic reception in all areas of the State.

As a consequence of these new services, it becomes possible to close down the older and less efficient short-wave transmitters.

Dato Millar said "We understand that there are very few short-wave listeners in Brunei. These listeners should now transfer to medium wave of F.M., ensuring that their receivers have an F.M. Band tuneable between 90 and 100 HMz. In order to give them time to do this we are delaying the close-down of the short-wave services until 1st September this year".

KDB Pejuang rescues fishermen

MUARA. — A patrol boat of the Royal Brunei Malay Regiment, the KDB Pejuang, last week rescued a fishing trawler which had been adrift at sea for eight hours.

The trawler, with six crewmen on board, was on a fishing trip when it developed engine trouble off the coast of Berakas.

Following an intensive search, the distressed vessel was located near the Cham- pion Point.

The KDB Pejuang towed it together with its catch of about eight pikuls of fish to the First Flotilla base here.

The crewmen were all in fine condition.



Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia Awang Haji Mohammad Yusof greeting DYTM Paduka Seri Begawan Sultan after the ceremony.

PEHIN MANTERI INSTALLED

BANDAR SERI BEGAWAN. — His Highness the Sultan Sir Muda Hassana Bolkiah Muizzaddin Wad-ulah installed Awang Haji Mohammad Yusof bin Awg Mohammad Tahir as a Pehin Manteri at a ceremony held at the Lapau here last Saturday.

Awang Haji Mohammad Yusof is now known as Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Seri Setia.

Among those present at the ceremony were the British High Commissioner, Mr Arthur Watson,

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Begawan Sultan Sir Muda

Omar Ali Saifuddin Saadul

Khairi Waddin, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibol Himmah Wal

Waqar Pengiran Muda

Mohammed Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Muda Haji

Sufri Bolkiah, Yang Teramat Mulia Paduka Seri

Duli Pengiran Muda Jefri

Bolkiah, the Yang Teramat Berhormat General Adv

ser, Pehin Orang Kaya

Laila Setia Bakti Diraja

Dato Laila Utama Awang

Isa, the Mentri Besar Yang

Amat Mulia Pengiran Dipa

Negara Laila Diraja Pe

ngiran Abdul Momin, Yang

Teramat Mulia Seri Paduka

Pengiran Pemancha and the

Acting State Secretary,

Dato Paduka Awang Haji

Abdul Rahman bin Dato

Paduka Haji Mohammad

Taib.

Essay, short story contests

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Language and Literature Bureau is organising an essay and a short story competitions to mark the start of the fifteenth century in the Moslem calendar later this year.

Both essay and short story should be written in Malay. The essay should be between thirteen hundred and fifteen hundred words and based on Moslem personalities in the fields of science, education, politics, economics, literature or social activities who have upheld the dignity of Islam.

The short story which must be between eight hundred and a thousand words, should focus on education, analogy or other happenings experienced by Moslem personalities.

In addition it should be suitable as reading material for children between the ages of eight and twelve.

Those interested should submit their entries to the Language and Literature Bureau not later than September 15.

Road safety talks

BANDAR SERI BEGAWAN. — The first of a series of lectures to schools was held at the Sultan Muhammad Jamalul Alam SMJA Secondary School here last week.

The lectures, organised by the Brunei Safety Council, were delivered by officials from the Land Transport Department, the Royal Brunei Police Force and Royal Brunei Malay Regiment.

Pre-school classes registration

BANDAR SERI BEGAWAN. — Registration for next year's pre-school classes at Government Malay Primary Schools has begun and will continue until the end of the month.

The Education Department

announcing this said the registration is only for children born before the first January 1975 and at the age of not less than five on January next year.

Parents and guardians wishing to enrol their children for the classes should contact the nearest school in their area.

New mukim formed

KOTA BATU. — A new Mukim called Mukim Mentiri had been created at a ceremony held last week at the Batu Marang School here.

The new Mukim covers Kampong Mentiri itself as well as Kampong Batu Marang, Tanah Jambu, Sungai Buloh and Salar.

Present during the ceremony were representatives from the Brunei Muara District Office and the five kampongs.

The Penghulu of the Mukim Mentiri is Pengiran Haji Abdul Kahar bin Pengiran Haji Besar.

Maj. Gen. Walsh visits Binturan Range

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Director of Army Training at the British Ministry of Defence, Major General Walsh paid a five-day visit to Brunei last week.

During his stay, Major General Walsh flew by helicopter to the Binturan Range in Tutong to see the firing exercise carried out by the Royal Brunei Malay Regiment's Armoured Reconnaissance

Squadron.

Major General Walsh, who was accompanied by the Commander of RBMR, Brigadier Dato Norman Roberts, was taken on a tour of the range soon after his arrival.

After briefly commanding one of the Scorpion tanks used in the exercise, Major General Walsh and senior officers of the regiment watched the soldiers and tanks in action.

Cholera immunisation campaign

BANDAR SERI BEGAWAN. — The Medical and Health Department is currently carrying out the annual cholera mass immunisation campaign in villages and schools throughout the State.

The campaign started in

the Belait District on April 23 with the immunisation teams visiting Kampong Melilas in the interior part of the District.

The teams numbering five altogether will begin immunising school-children in the district on May 31.

In the Brunei Muara, Tutong and Temburong districts the campaign commenced on May 1 in schools in the districts.

The Medical and Health authorities here have assigned ten teams to carry out the campaign.



Fourteen teams from secondary schools in the State took part in the folk songs contest held at the Sufri English School hall in Tutong Town last week.

The Jefri Bolkiah School of Engineering and the SMJA Secondary Malay School emerged champions and runners up respectively in the boys' section.

In the girls' section, the Berakas English School beat the Perdana Wazir English School to become champions and runners up respectively.

A SMJA team member is seen above receiving his prizes from Pehin Orang Kaya Perkema Sura Awang Haji Abdul Manan bin Mohammad.



Members of the Brunei Women's Institute posed for this group photograph during their recent goodwill visit to Bangkok as guests of the National Council of Women of Thailand.

DALAM khutbah kali ini mari-lah kita mengikuti ajaran Allah yang tersebut di-dalam ayat Al-Kor'an yang bermaksud: "Wahai orang2 yang beriman bertaqwalah kamu kepada Allah dan hendaklah kamu berserta dengan orang2 yang benar".

Ayat tersebut ada-lah memberi pengajaran kepada kita supaya kita bertaqwa kepada Allah dan supaya kita berkawan, bersahabat dan berchampur gaul dengan orang2 yang benar, benar pada tingkah laku-nya, benar pada iktikad-nya dan benar pada awal ibadat-nya. Sebab pun kita di-suruh bergaul dengan orang2 yang bersifat demikian kerana sa-orang yang berkawan dan bergaul dengan orang yang baik nanti akhir-nya menjadi baik dan begitu juga sa-balek-nya sa-orang yang berkawan dengan orang2 yang jahat nanti akhir-nya menjadi jahat. Dengan sebab ini-lah maka kita perlu sa-kali mengawasi pergaulan anak2 kita ia-itu jika anak2 kita itu bergaul dengan orang yang baik, maka benarkan-lah, tetapi jika anak2 kita itu berchampur gaul dengan orang2 jahat, hendaklah lekas2 di-ikhtikarkan supaya ia menjauhi pergaulan tersebut kerana di-khuatiri anak2 kita itu terpengaruh menjadi jahat sa-bagaimana kawan2-nya itu.

Dalam suatu ayat Kor'an yang tersebut di-dalam surah Al-Ahzab Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud: "Bahawasa-nya Kami telah menawarkan amanah atas langit dan bumi dan gunung2, maka semua-nya itu enggan menerima amanah2 itu kechuali manusia maka ia sanggup menerima amanah2 itu dan menanggung-nya, tiba2 mereka zalim dan bodoh tiada tahu menjaga amanah".

Jelas-nya Allah s.w.t. telah mempelawa tujuh petala langit untuk menanggung amanah2 Allah tetapi tujuh petala langit tidak berani menanggung amanah2 Allah itu kerana takut tiada tahan menanggung-nya, maka Allah pun mempelawa kepada bumi untuk menanggung amanah2 itu tetapi bumi juga tidak berani menanggung-nya. Kemudian Allah pun mempelawa kepada gunung2 supaya menanggung amanah Allah itu maka demikian juga-lah gunung2 itu

BERGAUL DENGAN ORANG2 JUJUR

pun tiada berani menanggung-nya.

Dan akhir-nya Allah pun mempelawa kepada manusia supaya menjaga dan menanggung amanah2 Allah itu, dan di-terima-nya amanah2 itu oleh manusia tetapi di-khianati-nya dan di zalimi-nya, di-beri amanah telinga di-gunakan mendengar bunyi2an yang haram di-dengar-nya. Di-beri amanah mulut di-gunakan mengumpat, menchachi dan sa-bagai-nya. Di-beri amanah tangan di-gunakan mengambil harta orang, di-beri amanah kaki di-gunakan merayap-rayap ka-tempat maksiat. Begitu-lah kesalahan2 dan khianat2 manusia terhadap amanah2 Allah yang mana yang demikian itu memerlukan kita berbanyak-banyak ampun dan bertaubat kepada Allah.

Daripada kedua-dua ayat Kor'an di-atas maka tahu-lah kita bahawa kita adalah di-anjurkan bergaul dengan orang2 yang baik dan jujur dan menjauhi bergaul dengan orang2 yang jahat



atau orang2 yang melakukan pengkhianatan terhadap amanah2 Allah.

Oleh yang demikian mari-lah kita menjaga dan mengawasi diri kita masing2 di-samping mengawasi pergaulan anak2 kita supaya kita semua akan terselamat daripada perkara2 yang mendatangkan bencana dan dosa kepada kita.

Pertandingan Nashid Sempena Isra' Me'raj

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menganjurkan pertandingan nashid yang terbuka kepada persatuan2 belia, penuntut2 sekolah menengah atas, maktab2 dan kelas2 ugama Al-Kor'an seluruh negeri.

Pertandingan tersebut diadakan sempena Sambutan Isra' Me'raj tahun 1399 Hijrah perengkat negeri yang akan di-siarkan sa-chara langsung menerusi Radio dan Talivishen Brunei pada 22hb Jun, 1979.

Borang2 penyertaan serta keterangan lanjut berhubung dengan pertandingan tersebut boleh di-perolehi dari Pejabat Ugama di-daerah masing2.

BERPEGANG KPD. KEJUJORAN DAN PRINSIP SETIA-KAWAN

ADA-LAH amat jarang kita mendengar ataupun melalui pengalaman2 kita bahawa, jika sa-seorang itu bersahabat baik dan ikrah dengan sa-seorang yang lain, mereka itu saling uchap-menguchap, dhela-menchela, maki-memaki dan sa-bagai-nya, sa-hinggakan menyinggung perasaan antara mereka. Kalau pun barangkali ada, chuma sa-kadar 'paibunan' saja dan tidak-lah begitu 'serius'. Dan malahan, persahabatan antara mereka itu ada-lah bertambah erat dan tidak kendur2-nya. Dalam jalinan persahabatan yang begitu erat inilah masing2 telah mengeluarkan rahsia diri masing2. Ataupun dengan lain perkataan tiada rahsia antara kedua-nya. Ini terjadi ada-lah di-sebabkan masing2 perchaya kepada kejujoran dan memegang kapada prinsip setia-kawan.

Tapi suasana akan bertukar chorak, jika salah sa-orang dari mereka berdua itu tidak sa-aliran lagi, yang mana barangkali ada-lah di-sebabkan oleh sa-suatu sebab yang tidak dapat di-elakkan. Kalau dulu-nya, mereka pandai menjaga dan mengambil hati kawan, agar tidak mudah tersinggung tapi kini lain pula hal-nya, si-kawan tadi membukakan tembelang kawan rapat-nya dulu. Di-katakan itu dan di-katakan-nya ini, di-uchapkan-nya itu dan di-uchapkan-nya ini. Pendek-nya, semua apa yang dulu-nya menjadi rahsia diri masing2 di-cheritakan dan di-beritahu kepada orang lain. Kata orang di-beritahu dan di-cheritakan tanpa berlapis-lapis. Hasil-nya tentu-lah mendukacitakan, orang lain tahu akan peribadi dan keolahan yang tidak baik yang di-miliki-nya.

Adapun tujuan memberi tahu dan mencheritakan kapada orang lain itu adalah di-sebabkan ingin melepaskan geram dan marah lantas ingin membalas dendam. Di-taburkan-lah sana sini akan keburokan2 yang di-miliki oleh kawan-nya yang rapat dulu itu. Ada

juga kala-nya ia tidak mempunyai perasaan sa-bagaimana yang di-sebutkan di-atas tadi, tapi ia mengurapakkan itu dan mengurapakkan ini ada-lah sa-mata2 'ingin-ingin hati' saja, dan tidak bertujuan untuk memburok-burokan bekas kawan-nya itu. Disamping itu ia juga bertujuan untuk mengelakkan diri dari di-tuduh melakukan kesalahan yang menyebabkan kedua-nya tidak sa-aliran lagi. Bukan sa-takat ini saja, dan malahan ada berbilang-bilang lagi tujuan yang terselindung di-sa-balek-nya.

Kalau kita fikirkan dengan pertimbangan akal yang saksama, tentu-lah kita akan berani mengatakan yang perbuatan saperti ini ada-lah tidak baik, chuma ingin memburok-burokan orang lain. Serba sedikit, tentu-lah orang yang mendengar-nya akan perchaya, walaupun barangkali apa2 yang kita kurapakkan itu di-tokok-tambah lagi dengan sa-suatu yang senghaja di-ada-adakan. Sa-patut-nya, walaupun antara dua sahabat itu tidak sa-aliran lagi, jangan-lah kita membukakan tembelang bekas sahabat kita itu. Biar-lah ia tetap menjadi rahsia yang tersimpan di-dalam perbendaharaan hidup kita.

Sa-benar-nya, larangan menguchapkan sa-suatu yang burok ini, ia-lah saperti: menchela, memaki-hamun, mengurapakkan keburokan orang lain, apa2 yang menyinggung perasaan dan sa-bagai-nya, bukan-lah terbatas saja kapada bekas sahabat yang kita kenali, malahan ia termasuk kapada sa-siapa saja. Larangan2 ini ada-lah bertujuan untuk mengelakkan dari burok sangka orang lain yang mendengar-nya nanti. Ini akan bertambah burok lagi jika di-sampaikan lagi kapada orang2 yang lain, dan cherita-nya sudah berubah lebeh burok dari yang asal. Juga serba sedikit akan menggugat keperchayaan orang lain terhadap-nya nanti. Jadi-nya, kita chuba-lah sa-daya

Bingkisan minggu ini

upaya untuk mengekang perasaan kita dari mengurapakkan keburokan2 orang lain itu, kerana ia tidak akan mendatangkan apa2 keuntungan kapada diri kita, malahan ada-lah merugikan.

Dalam satu hal yang lain, kita di-bolehkan untuk memberi tahu akan keburokan2 dan perwatakan2 yang tidak baik yang di-miliki oleh sa-seorang kapada pihak2 yang tertentu, jika kita di-aniaya-nya. Ini ada-lah bertujuan untuk menolong pihak yang tertentu dalam sa-suatu hal yang di-perlukan.

Akhir-nya kita renungkan firman Allah dalam Surah An-Nisa ayat 148 yang maksud-nya kira2: Allah tidak menyukai uchap-burok (yang di-uchapkan) dengan terus terang, kechuali oleh orang yang di-aniaya. Allah ada-lah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui".

Peraduan Kor'an Dewasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Peraduan membaca Kitab Suchi Al-Kor'an perengkat dewasa bagi Daerah Brunei-Muara pada tahun ini akan diadakan di-lima buah kawasan. Kawasan itu ia-lah Brunei I, Brunei II, Brunei III, Brunei IV dan Brunei V.

Kawasan Brunei I mengan-dongi 22 buah kampung ia-itu Bandar Seri Begawan, Sungai Kianggeh, Pintu Malim Kota Batu, Dato Gandi, Pelambayan, Serdang, Sungai Matan, Belimbing, Subok, Sumbiling Lama, Sumbiling Baru, Kiarong, Medewa, Bunut, Tasek Meradun, Kumbang Pasang, Pulau Baru2, Pulau Ber-bunut, Pudah dan Kiulap.

Kawasan Brunei II mengan-dongi 20 buah kampung. Kampung2 tersebut ia-lah Lumapas, Kasat, Putat, Menunggol, Lupak Luas, Tarap Bau, Kg Setia, Sungai Si-Amas, Saba Ujong, Saba Tengah, Saba Darat, Saba Laut, Sungai Kebun, Ujong Kelinik, Pekilong Muara, Peramu, Lorong Sekuna, Setia Pahlawan, Bakut Berumput dan Bakut Pengiran Si-Raja Muda.

Kawasan Brunei III meliputi Kampung2 Pekan Lama, Sungai Pandan, Pengiran Setia Negara, Pandai Besi, Lorong Dalam, Burong Pingai Ayer, Tamoi Ujong, Tamoi Tengah, Pengiran Kerma Indera Lama, Pengiran Tajuddin Hitam, Pengiran Bendahara Lama, Kuala Peminyak, Pengiran Peman-cha Lama, Sultan Lama, Sungai Kedayan dan Limbongan.

Kampung2 yang termasuk dalam Kawasan Brunei IV ia-lah Kampung Sungai Besar, Mentiri, Batu Marang, Pekan Muara, Masjid Lama, Serasa, Kg Sabun, Pelumpang, Kapok, Tanah Jambu, Sungai Hanching, Sungai Tilong, Sungai Akar, Madang, Manggis, Pancha Delima, Anggerek Desa, Orang Kaya Besar Imas, Burong Pingai Berakas dan Lambak.

Lihat muka 16

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9hb Mei, 1979 hingga ka-hari Selasa 15hb Mei, 1979 ada-lah saperti di-bawah ini: —

Hari	Bulan	Dzuhur	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Terbit
9hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.06
10hb Mei		12.23	3.38	6.31	7.43	4.39	4.53	6.06
11hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
12hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
13hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
14hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06
15hb Mei		12.23	3.39	6.31	7.43	4.38	4.52	6.06

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

Memelok Ugama Islam

BERTEMPAT di-Jabatan Hal Ehwal Ugama di-ibu negeri minggu ini berlangsung lagi tiga majlis peng-Islaman.

Mereka yang telah memelok ugama Islam itu ia-lah Engkasang anak Ali,



Shahrini bte Abdullah.

25 tahun, berasal dari Sarawak. Ia kini di-kenali sa-bagai Jonaidie bin Ali Abdullah. Selepok bte Bud-da, 17 tahun, gadis Murut dari Daerah Temburong, kini di-kenali sa-bagai Shahrini bte Abdullah. Dan yang sa-orang lagi, Sating anak Mulok, 20 tahun, berasal dari Simanggang. Sarawak dan kini di-kenali sa-bagai Muhammad bin Abdullah.

Ketiga-tiga saudara baru Islam itu masing2 melafadzkan ikrar Islam-nya di-hadapan Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Indera Laila (Begawan Mudim) Datu Seri Utama Awg Hj Ismail bin Matserudin sa-orang pegawai di-jabatan tersebut.

KERJAYA DALAM PASOKAN ASKAR MUDA PASOKAN ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

KIRA-NYA awang sa-orang pelajar lelaki yang menduduki Peperiksaan BJCE 1979 dan awang yakin berjaya dalam peperiksaan itu, masok-lah belajar di-Chawangan Askar Muda, Askar Melayu Diraja Brunei. Chawangan ini di-gabungkan dengan pendidikan akademik dan teknikal dengan latihan tentera untuk melatih awang buat menempohi chabaran hidup yang sentiasa berubah chepat. Awang memasoki sekolah untuk satu tempoh 2½-3 tahun sa-lepas itu awang akan berkhidmat dengan Pasokan AMDB pada satu tempoh 5 tahun, dalam pengajian yang telah di-latekan kepada awang. Pada akhir perkhidmatan 5 tahun awang boleh memilih samada berhenti daripada perkhidmatan atau menyambung kerjaya dalam Pasokan AMDB. Di-Chawangan Askar Muda awang berpeluang melanjutkan pelajaran akademik hingga ka-peringkat 'O'. Kira-nya berjaya dalam peperiksaan 'O' level awang mungkin di-pilih menjadi pegawai dalam Pasokan AMDB atau di-beri peluang belajar di-institusi pelajaran tinggi dengan biasiswa AMDB. Apa pun pilihan awang, awang akan menerima satu pengalaman yang berguna yang boleh membantu awang untuk menempohi chabaran yang akan datang.

Pelajaran akademik dan latihan tentera ada-lah di-beri seperti berikut:

- Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab, Ilmu Fizik, Ugama Islam, Pelajaran Alam Sekeliling, akan di-ajar sahingga ka-peringkat 'O'.
- Latihan Vokeshenal akan di-jalankan dalam: Pertukangan Kayu,

Pertukangan Besi, Pemeliharaan Kenderaan, Radio, bagi melayakan untuk latihan lanjutan.

- Menjalani latihan ketenteraan sahingga ka-peringkat soldadu terlatih untuk menanamkan disiplin diri, keperchayaan diri sendiri, kebolehan membuat kerja2 dan akhir sekali untuk memimpin.
- Chawangan Askar Muda juga menyediakan lain2 kemudahan seperti permainan dan sokan, lawatan2 serta latihan pengembaraan.
- Kegemaran2, sa-bahagian besar disediakan.

Chawangan Askar Muda menyediakan kemudahan alat2 dan kewangan untuk pelajar2 seperti berikut:

- Tempat tinggal dan makan perchuma sa-panjang masa pengajian.
- Buku2 teks dan buku tulis perchuma.
- Pakaian dan dhobi perchuma.
- Yuran2 peperiksaan ada-lah di-bayar.
- Wang saku sa-banyak \$50-\$60 sabulan. Elaun tambahan akan di-bayar kepada sa-siapa yang telah di-naikkan pangkat. Apabila meningkat umur 17½ tahun akan menerima gaji orang dewasa \$340.
- Kenderaan untuk balek ka-kampung perchuma masa chuti.

Berikut ada-lah syarat2 masuk:

- Keputusan peperiksaan BJCE yang baik. Pemilihan pemohon ada-lah berdasarkan pada keputusan peperiksaan perhubungan yang di-sahkan oleh guru besar dan pemilihan akhir ada-lah ber-



MENGIKUTI pelajaran dan menerima penjelasan yang rapi dari guru yang mengajar merupakan suatu keuntungan yang sentiasa di-perolehi oleh anggota ini sa-panjang mengikuti kursus Askar Muda.

gantong kepada sokongan2 Lembaga Pemilih. Chalun2 yang terpilih di-jangka memasoki Chawangan Askar Muda, Pasokan AMDB dalam bulan Januari 1980.

- Chalun2 hendak-lah sa-orang raayat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Yang Dipertuan Negeri Brunei.
- Chalun2 hendak-lah berumur di-antara 15-16 tahun pada 1hb Januari, 1980.
- Chalun2 hendak-lah sehat tuboh badan dan chenderong dalam sokan dan permainan dan telah mewakili sekurang2-nya dalam mana2 satu permainan diperingkat sekolah atau daerah.
- Mempunyai kebenaran ibubapa atau penjaga.
- Dan boleh meyakinkan Lembaga Pemilihan tentang kecherdasan, kebolehan dan sifat2 kepimpinan awang.
- Pemohon2 yang chenderong boleh-lah menulis terus kepada alamat berikut untuk mendapat maklumat lanjut atau hantar sahaja borang di-bawah ini kepada alamat berikut:

Pegawai Pengambilan Rekrut
Pusat Latihan, AMDB
Perkhemahan Bolklah
Brunei.



TARIKH TUTOP PADA:- 30HB JUN, 1979

Potong di-sini -

PASOKAN ASKAR MUDA— ASKAR MELAYU DIRAJA BRUNEI

Nama:

No. Kad Pengenalan dan Warna:

Tarikh lahir/No. surat beranak:

Nama Sekolah:

Tingkatan Persekolahan 1979:

Nama Bapa:

No. Kad Pengenalan dan Warna (Bapa):

Alamat Rumah:

No. Talipon:

Tanda Tangan



BEREHAT-REHAT sambil berbual-bual sementara menunggu sarapan tidak ketinggalan menchatetkan kenangan manis di-kalangan kawan2.



MENCHUBA sa-chara praktikal salah satu kursus yang di-ikuti turut menambah kebolehan dan kemahiran yang bukan sedikit dalam pasokan tersebut.

RANCHANGAN TV MINGGU INI

RABU — 9HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 STAR TREK — "The Immunity Syndrome"
Dalam keadaan untuk menghabiskan kegiatan utusan mereka, ketua pertubuhan itu menuju jalan pulang untuk berehat, bila mereka menerima arahan untuk membuat penyiasatan tentang kehilangan kapal 'Vulcan' yang sa-chara mengejut.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 STAR TREK — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE PAPER CHASE
7.43 AZAN ISHA
7.47 PAPER CHASE — sambongan
8.00 DR IN CHARGE —
"Should an Acquaintance Be Forgotten?"
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 PERTANDINGAN NYANYIAN AMATUR ASIA — Peringkat Negeri (Wellington) New Zealand.
9.50 F.A. CUP SOCCER — Sa-paroh Akhir
10.40 SIARAN TAMAT.

KHAMIS — 10HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 BIG BLUE MARBLE
6.30 DR WHO — "Pyramids of Mars"
Doktor terpaksa menggunakan segala kecherdekan-nya untuk menyelamatkan

dunia dari kerosakan di-tangan "Sutekh", tuhan kegelapan di-alam dewa2.

- 6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 DR WHO — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 LOU GRANT — "Poison"
7.43 AZAN ISHA
7.47 LOU GRANT — sambongan
8.00 HIDAYAT
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 DOKUMENTARI MELAYU : Audubon Wildlife Theatre : "Untamed Olympics"
9.15 TAYANGAN FILEM MELAYU
11.15 SIARAN TAMAT.

JUMAAT — 11HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 KORG : 70,000 BC —
"Magic Clown"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SAYANG ADEK-KU SAYANG
6.30 THE FAMOUS FIVE —
"Five on a Hike Together"
Ranchangan yang telah di-ranchang dengan rapi oleh kumpulan ini tidak berakhir dengan apa yang mereka harapkan bila perjalanan mereka bertembong dengan orang2 salah yang lari.
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 THE FAMOUS FIVE — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 THE GENERATION GAME
7.43 AZAN ISHA
7.47 THE GENERATION GAME — sambongan
8.00 MORK AND MINDY —
"Mork's Mixed Emotions"
Suasana yang mengembirakan mengambil tempat bila chiuman dari Mindy membebaskan emosi Mork yang telah lama tertekan.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 PERTANDINGAN NYANYIAN AMATUR ASIA — Peringkat Negeri (Taipei) Taiwan.
9.30 QUINCY — "Requiem for The Living"
Untuk pertama kali dalam karier-nya, Quincy mesti mengeluarkan sa-orang pemeriksa mayat ka-atas sa-orang yang maseh hidup, sa-orang ketua sindikit bila dia di-jamin oleh sa-orang penganas.
10.20 PERLAWANAN GUSTI
11.30 SIARAN TAMAT.

SABTU — 12HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 THE ADVENTURES OF GULLIVER — "Exit Leech"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 DALLAS — "Triangle"
7.43 AZAN ISHA
7.47 DALLAS — sambongan
8.00 TAHU-KAH AWDA
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 STARKY AND HUTCH
9.55 MUTIKA PERENGKAT AKHIR
11.25 TAYANGAN MALAM MINGGU :
"A New Kind of Love"
Sa-orang pemberita akhbar, Steve Sherman bertemu dengan Samantha Blake di-sa-buah kapal terbang yang menuju ka-Paris, tapi mereka tidak mesra di-antara satu sama lain. Bagaimana pun bandar Paris dengan keindahan-nya itu menyebabkan Samantha menderita di-serang oleh perasaan ganjil — perasaan untuk berasmara.
12.55 SIARAN TAMAT.

Pihak Radio Talivishen Brunei berhak untuk menukar mana2 jua ranchangan yang di-fikirkan perlu tanpa memberi tahu terlebih dahulu.



GAMBAR atas ada-lah salah satu pemandangan dari Tayangan Malam Minggu kali ini "A New Kind of Love" di-mana Paul Newman memegang peranan sa-bagai sa-orang pekerja akhbar, Steve Sherman, dan Joanne Woodward sa-bagai Samantha Blake.

Steve dan Samantha bertemu di-sa-buah kapal yang menuju ka-Paris tapi mereka pada mula-nya tidak peduli di-antara satu sama lain. Bagaimana pun, bandar Paris dengan keindahan-nya, membuatkan Samantha memikirkan tentang asmara dan mencari suami. Dia mengambil keputusan untuk mencari rawatan sa-penoh-nya di-sa-buah kedai solek yang terkenal dan dia munchol dalam keadaan yang sa-penoh-nya mewah bila dia bertemu Steve semula, bagaimana pun, keadaan tidak menjadi saperti yang di-ranchangkan. Saksikan-lah tayangan Malam Minggu kali ini pada hari Sabtu, jam 11.25 malam.

AHAD — 13HB MEI,

PETANG

- 5.15 PEMBUKAAN
5.16 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.28 SUSUNAN RANCHANGAN
5.30 CHOMAT DAN CHOMEL —
"Salji"
5.45 OSCAR THE RABBIT IN RUBBIDGE — "Magic Flute"
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 HOW
6.30 SOLDIER AND ME —
"Trapped"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SOLDIER AND ME — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 RETURN OF THE SAINT
"The Armageddon Alternative"
7.43 AZAN ISHA
7.47 RETURN OF THE SAINT — sambongan
8.00 WKRP IN GINCINNATI —
"Mama's Review"
Masa untuk steshen radio WKRP membuat pemeriksaan semula sudah sampai, dan pengurus-nya Arthur Carlson menunggu dengan penoh debaran akan kedatangan tuan-punya steshen itu — emak-nya sendiri.
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 F. A. CUP FINAL
10.45 LILLIE : "Going on the Stage"
Lillie sedang mengandong, dan Putera Wales membantu untuk membuat persediaan2 supaya skandal itu dapat di-elakkan. Mereka merancang untuk pulang ka-Jersey.
11.35 THAT'S HOLLYWOOD —
"Gregory Peck"
12.05 SIARAN TAMAT.

ISNIN — 14HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 MAYA — "Miracann's Magic Circus"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 MAYA — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 CHARLIE'S ANGELS
7.43 AZAN ISHA
7.47 CHARLIE'S ANGELS — sambongan
8.00 DESA MEMBANGUN
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 MAJALLAH BRUNEI
9.05 HOW THE WEST WAS WON —
"Hillary"
Luke Macahan pergi untuk mengikuti jejak sa-orang lelaki yang telah membunuh hakim beberapa tahun yang lalu di-Las Mesas, satu jenayah yang Luke sendiri telah lama di-tuduh membuat-nya. Pencharian-nya ini bertambah sukar di-sebabkan oleh teman wanita lama-nya, Hillary.
11.05 SIARAN TAMAT.

SELASA — 15HB MEI,

PETANG

- 5.45 PEMBUKAAN
5.46 KORAN DAN KESIMPULAN
MAANA-NYA
5.58 SUSUNAN RANCHANGAN
6.00 RENGKASAN BERITA
6.02 SESAME STREET
6.31 AZAN MAGHRIB
6.35 SESAME STREET — sambongan
6.55 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

MALAM

- 7.10 AMERICAN GIRLS
7.43 AZAN ISHA
7.47 AMERICAN GIRLS — sambongan
8.00 SERIKANDI
8.30 WARTA BERITA DALAM BAHASA MELAYU
8.45 ARENA SOKAN
9.25 DOKUMENTARI : Whicker's World — India
"Even though you're a Maharajah you're a Human Being First"
Untuk berab2 lama-nya hampir sa-paroh dari India di-perintah oleh Maharajah2, dengan kekayaan yang berlelehan dan dengan kuasa yang hampir semua di-tangan-nya. Alan Whicker memerhati berakhir-nya masa keemasan ini, dan memerhati bagaimana kumpulan asing ini hidup sekarang.
9.55 THE SANDBAGGERS
10.45 JUARA MUTIKA DI-HONG KONG
11.30 SIARAN TAMAT.



UNTOK menghalang satu ranchangan rompaan di-sa-buah bank, sa-orang anggota pulis Orville Grant berjaya menangkap sa-orang perompak, tapi sa-orang dari perompak lain berjaya melarikan diri.

Dengan harapan untuk mengambil hati dan untuk mengajak teman-nya supaya dapat melarikan diri. Orang yang di-tangkap ini memberitahu pulis itu yang dia tahu siapa yang membunuh hakim beberapa tahun yang lalu di-Las Mesas — satu jenayah yang mana Luke Macahan telah lama di-tuduh.
Pulis itu dengan serta-merta meminta Luke datang untuk memberitahu berita itu. Bila Luke tiba ka-sana dia berselisih faham dengan anak-nya Hillary, yang marah kepada Luke kerana tidak menulis surat kepada-nya untuk lebih dari sa-tahun, walau pun mereka telah mempunyai 'persahaman' yang mereka akan berkahwin sa-baik2 saja Luke berjaya membebankan nama-nya.

Luke pergi untuk mencari pembunuh hakim itu, di-ikuti oleh Hillary yang kemudian-nya berjaya menempatkan Luke di-dalam penjara!

Gambar : Bruce Boxleitner berlakon sa-bagai Luke Macahan dalam siri 'HOW THE WEST WAS WON.'



TAKING part in "Brunei Graduates" this week is Dato Dr. Haji Johar bin Dato Haji Noordin from the Medical and Health Department. To know more about him do listen to the English Service of Radio Brunei tomorrow afternoon at 12.45 pm. In case you miss the first broadcast we shall repeat it on Sunday 13th May, 1979 at 8.00 pm.

MEMBUAT RAKAMAN DI-RUMAH AWDA

BERCHAKAP di-radio merupakan satu pengalaman baru kepada kebanyakan para siswazah di-Brunei, tetapi tidak-lah begitu mendebarakan sa-bagaimana yang di-fikirkan oleh sa-tengah2 orang. Kechuali sa-buah dua barangkali, siri ranchangan ini dalam bahasa Melayu dan Inggeris telah memberi nafas kepada ranchangan radio. Dalam salah satu rakaman-nya terdapat mutu-nya sangat rendah. Malah boleh di-katakan terlalu rendah, hingga temuramah-nya terpaksa di-rakamkan semula. Alat perakam kami jenis "Uher" itu boleh di-katakan baik malang-nya kejadian yang tidak di-ingini itu berlaku kali ini. Dalam pada itu ada satu dua perkara yang sepatut-nya awda tahu bila tiba giliran awda nanti. Sekira-nya awda mahu hasil rakaman suara awda itu chukop terang. Dan chara ini meliputi ka-pada semua rakaman temuramah dalam apa jua ranchangan, ia-itu pejabat bukan-lah tempat yang paling baik untuk membuat rakaman temuramah.

Jendela2 chermin, meja2 berchermin, dinding2 batu semua ini merosakkan suara awda, kerana suara itu melantut ka-sekitar ruang dan gema-nya tadi masuk balek ka-maikrofon satu demi satu dan menyebabkan suara awda bergema jadi-nya. Kerana itu paling baik membuat rakaman temuramah di-rumah awda di-mana tirai atau lansir, permaidani dan kain alas meja menyerap suara dari melantut semula menjadi gema dan membolehkan bunyi suara yang terang dan jelas masuk terus ka-maikrofon. Dan ingat-lah, bila hendak memulakan rakaman, tutuplah alat hawa dingin, terek tirai bentangkan alas meja di-meja awda itu dan menyandar-lah dengan selesa dan senyum.

Kenapa pulak mesti senyum2?

Sebab-nya bila awda senyum awda akan releks. Kerengkong awda pun releks dan suara awda pun akan berlainan. Chubalah! Dengan tersenyum dapat menolong awda dalam temuramah itu dengan 'natural' dan dapat menimbulkan suasana mesra terhadap soalan2 yang di-kemukakan. Di-samping itu ingat-lah, bahawa suara awda itu pergi ka-setiap rumah mendengar dan bukan-nya awda sa-bagai sa-orang tetamu yang di-undang berchakap. Pendengar itu mahu mendengar awda.

Jika awda terlalu rasmi berchakap atau terlalu 'serious' atau terlalu berokratik, pendengar akan tutup radio. Sabenar-nya pendengar itu mahu tahu awda sa-bagai orang perseorangan. Dia mahu tahu diri awda dan fikiran awda. Dia akan lebeh tertarik kepada awda sekira-nya awda orang yang pandai menchuit hati. Apa yang paling menarik hati-nya ia-lah pengalaman awda. Kerana kebanyakan siswazah itu mengalami keadaan yang boleh di-katakan serupa dalam belajar dan ini telah pun banyak di-perkatakan. Tetapi apa perkara yang luar biasa berlaku kepada awda ketika di-England, di-Kahirah atau di-Singapura? Bagaimana awda menyesuaikan hidup dengan orang2 disana? Bagaimana pengalaman2 awda itu boleh menolong orang2 yang datang kemudian? Dan bagaimana awda mempergunakan ilmu pengetahuan yang di-dapati dengan bersusah payah itu untuk kepentingan Brunei?

KORG: 70,000 B.C—siri baru untuk kanak-kanak

ORANG2 'Neanderthal' hidup kembali dalam siri sejarah yang menarik ini yang menggambarkan Korg dan keluarga asli-nya berada dalam dunia yang berbahaya dalam alam semula-jadi yang liar. Di-sini, bunga api menjadi satu kesakitan yang baru untuk di-jaga seperti menjaga nyawa sendiri. Episod2 ini menggambarkan penjumpaan tentang bermacham2 sifat tamaddun yang tidak kita indahkan hari ini.

Dalam ranchangan pertama "Magic Claws", Bok mendapati yang keberanian datang dari manusia, sa-lepas dia kehilangan nasib-nya yang membawa tuah dan maslah berdaya untuk membunuh beruang yang ganas.

Gambar kanan menunjukkan Pemandangan dari siri baru di-RTB Korg: 70,000 B.C. yang akan di-tayangkan pada hari Jumaat 11hb Mei, jam 5.30 petang.



SISWAZAH yang di-undang memenohi ranchangan ia-lah Awang Abdul Hamid bin Haji Abdul Jalil. Ia kepada maksud hadith; tuntut-lah ilmu walau pun namun dia berjaya memperolehi ijazah Sarjana Muda sa-buah Universiti China di-Singapura. Ikuti-lah pada hari Juma'at 11hb Mei, 1979 jam 7.30 malam.



"KALAU kail panjang sa-jengkal, lautan dalam janggan di-duga, sekarang bertemu buku dengan ruas." Demikian-lah agak-nya dailog yang di-luahkan oleh Pengiran Mohd Don, yang berlakun sa-bagai Badik dalam drama purba terbitan Talivishen Brunei yang pada masa ini sedang giat di-usahakan seperti kelihatan dalam gambar atas.

Badik munchol untuk menyelamatkan tiga orang gadis desa dari di-perkosa oleh beberapa orang lanun dalam satu adegan perkeltahan sengit.

Penggambaran ini di-lakukan oleh Juru Gambar RTB M.K.M. Nair di-Wasai Mentiri minggu lalu. Juru Rakam Suara ia-lah Salehin Abdul Salam.



"KALAU hati sudah terikat dan kalau budi sudah tertambat segala yang buruk menjadi indah". Begitu-lah renongan Misnah Daud (Melati) pelakon baru dari Kuala Belait yang di-beri peranan penting dalam drama purba terbitan Talivishen Brunei.



"MELATI tidak sa-padan dengan Badik Datuk, tapi kalau dengan Pitan seperti pinang di-belah dua". Demikian dailog Kamariah Aziz, pelakon baru dari Seria ketika mengusik Melati (Misnah Daud).

BAKAT adek2 minggu ini di-isikan oleh sa-kumpulan adek sa-ramai enam orang yang berminat besar dan mempunyai kebolehan yang dapat di-banggakan dalam seni mempertahankan diri—Karate.

Mereka akan menunjukkan kepada adek chara2 mempertahankan diri dari berbagai jenis serangan, latehan asas, kesan latehan dan aspek2 lain mengenai karate. Semua ini mereka lakukan bukan-lah untuk tujuan yang kurang sehat tapi untuk menunjukkan kepada adek2 yang lain bahawa mereka ada-lah adek2 yang penuh dedikasi, berkemampuan untuk menghadapi chabaran dan berdisiplin kuat. Tujuan lain ia-lah juga melatih jasmani supaya menjadi anggota masyarakat yang tahan lasak.

Bakat adek2 dalam ranchangan S.A.S minggu ini



JUARA MUTIKA '79 KA-HONGKONG

DAYANG Fatimah Haji Md Salleh ia-itu Juara Mutika tahun ini, dan Naib Juara, Awang Abdul Rahman bin Haji Tuah, akan berlepas ka-Hong Kong pada 13hb Mei ini, sa-bagai perwakilan Brunei ka-Pertandingan Nyanyian Amatur Asia '79. Tahun ini sa-banyak 11 buah negeri ikut bertanding, yang masing2 akan menghantar dua orang peserta, ia-itu johan dan naib johan tiap negeri yang telah mengadakan pertandingan-nya.

Negeri2 yang bertanding dalam Nyanyian Amatur Asia tahun ini ada-lah terdiri dari Sydney (Australia), Bangkok (Thailand), Taipei (Taiwan), Tokyo (Jepun), Seoul (Korea), Manila (Filipina), Hong Kong, Singapura, Wellington (New Zealand), Macao, dan Brunei.

Pertandingan ini akan di-langsungkan di-Dewan City Hall pada 15hb Mei, ia-itu hari Selasa dari jam 8.00 malam. Tahun lalu S. Ros yang telah mewakili Brunei ka-pertandingan yang sama telah menduduki tempat yang kelima, manakala Othman Paun di-tempat yang kedua belas. Juara pertandingan Nyanyian Amatur Asia tahun lepas di-sandang oleh Bangkok (Thailand). Dapat-lah negeri kita Brunei mengasi para peserta dari negeri2 atau pun salah sa-orang dari peserta kita ini, ia-itu Fatimah atau Abdul Rahman akan menduduki tempat kelima seperti tahun lalu? perkara ini masih menjadi tanda tanya. Walau

macham mana pun sama2-lah kita berharap semoga peserta dari Brunei akan beroleh kejayaan yang chemerlang.

Fatimah nanti akan membawakan lagu yang sama samasa pertandingan kemunchak Mutika '79 ia-itu "Something" demikian juga dengan Abdul Rahman akan membawakan lagu-nya yang di-gabungkan ia-itu "If I only have time" dan "Till". Awang Idris Muhammad, ia-itu salah sa-orang anggota Pancharagam Pulis Diraja Brunei, juga pemimpin Orkes Perdana yang tidak asing lagi, tahun ini telah di-tunjuk oleh RTB selaku Hakim dari Brunei. Ini-lah kali pertama beliau menjadi salah sa-orang hakim nyanyian dalam pertandingan antarabangsa.

RTB mempunyai penoh keperchayaan kepada beliau selaku hakim di-Hong Kong tahun ini. Di-malam Pertandingan Nyanyian Amatur Asia pada 15hb Mei itu, RTB akan menyiarkan satu hiburan khas "Dendang Juara", bagi menantikan "Laporan Dari Hong Kong" yang akan di-sambong melalui kerjasama Jabatan Talikom Brunei dan Hong Kong. Seperti pada tahun yang lalu, keputusan pertandingan malam itu, dapat kita ketahui melalui talipon oleh para peserta dari Brunei. Insha Allah, jika tidak ada apa2 yang menghalang "Laporan Dari Hong Kong" akan kita ketahui.

Menyertainya rombongan Brunei ka-pertandingan di-Hong Kong itu, ia-lah dua orang pegawai Radio Talivishen Brunei, ia-itu Awang Harris Watts Pegawai Pengurus Rancangan dan Awang Abdul Wahab Mohammad Penerbit Kanan RTB.



Dayang Fatimah



Awg. Abdul Rahman

Dokumentari — Whicker's World—India

UNTOK berabad2 lamanya 562 orang Maharajah yang memerintah hampir sa-paroh dari India telah berjaya mengumpul-kan kekayaan dan menerima kuasa yang berlebehan ka-atas sa-ratus juta raayat, yang selalu-nya mengang-gap mereka bukan hanya sa-bagai orang2 Diraja tapi sa-bagai sa-orang Utusan yang di-turunkan oleh Tuhan.

Tapi dalam abad ke-20 bangsa yang paling pemboros ini telah menunjokkan satu sasaran untuk ahli2 politik yang ingin untok mendapatkan kuasa dari mereka, istana2 dan nasib2 mereka yang bertuah itu. Dalam kemerdekaan tahun 1947 ada-lah pertama kali kedudukan Putera India di-lemahkan, sa-hingga tahun 1970an Perdana Menteri Puan Ghandi akhir-nya membatalkan keistimewaan kuasa mereka.

Laporan ke-empat yang di-keluarkan-nya dari perjalanan-nya di-India, Alan Whicker telah melalui tempat diraja di-Ranjanthan untok menchatet sejarah berakhir-nya zaman keemasan di-mana "Tuhan Matahari" telah di-ubah menjadi Tuan, dan untok melihat apa yang terjadi pada bangsa yang paling

asing ini.

Ada-lah di-fahami bila pegawai2 chukai di-turunkan ka-istana Maharajah di-Jaipur mereka memegang satu tan emas, champor sa-puluh kwt, perak dan berlian. Kemudian-nya Ibu Permaisuri yang di-hormati, Rajmata dari Jaipur, di-masokan dalam penjara oleh Puan Ghandi. Puteri Diraja yang bertaraf tinggi ini di-panggil kembali, dalam satu dari temuramah Whicker yang jarang2 berjaya di-lakukan, pengalaman tinggal bersama pembunoh2, pelachor2, pengembara2 dan penchopet2 — dan Ibu Permaisuri di-Gwalior — dalam penjara yang di-pechahkan.

Anak tiri-nya, Maharajah sekarang ini-lah satu2nya Putera yang masih boleh mengekalkan kumpolan Polo — dengan sedikit pertolongan dari pasokan berkuda terakhir dari India. Pasokan-nya ini juga membuktikan pertubuhan Polo yang ganjil... di-atas gajah! Yang menyedehkan ia-lah putera2 yang lain, seperti Maharajah di-Jodhpur yang mewah itu, di-kurangkan permainan-nya dan sekarang mereka bermain di-atas basikal.

Iktu-lah siri pengembaraan Whicker di-India ini seterusnya pada hari Selasa Jam 9.25 malam.

RANCHANGAN TVP MINGGU INI

RANCHANGAN 8 siri "Mari Kita Berbahasa Inggeris" mengajar murid2 menggunakan perkataan "my" "your" dan "our".

Dalam ranchangan ini murid2 akan juga di-bawa bersama2 dengan Yusof dan Samny melawat Kampong Ayer dan mendengar cherita Chegu Jinab mengenai pulau "Jong Batu".



Gambar menunjukkan kaki pelantar sedang di-turunkan.

Ranchangan 8, Sains dan Hidupan di-Brunei, pula ada-lah bahagian kedua dari siri ranchangan "Timbul dan Tenggelam". Ranchangan ini chuba menyelesaikan masaalah ia-itu mengapa sa-suatu benda itu boleh timbul? Untok mengetahui jawapan-nya ikuti-lah ranchangan ini.

Sa-lain dari itu murid2 akan di-bawa melawat ka-Kuala Belait. Di-sini kamu akan dapat melihat bagaimana pekerja2 dapat menurunkan dan mengangkat sa-buah kaki pelantar ka-kawasan telaga minyak di-laut. Kaki pelantar ini dapat di-angkut ka-laut dengan menggunakan kaedah timbul dan tenggelam.

Kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari Isnin 14hb Mei, 1979. "Mari Kita Berbahasa Inggeris" akan di-mulakan pada 8.50 pagi dan "Sains dan Hidupan di-Brunei" pada 9.20 pagi.

Siaran ulangan kedua-dua ranchangan ini akan dapat di-ikuti pada hari2 Selasa, Rabu dan Khamis bersamaan dengan 15hb, 16hb dan 17hb Mei, 1979, pada waktu yang sama.

It's on this week's, "What's wrong with me Doctor?"

doctor programme continues, and in this week's programme invited another medical man to join our usual host, Dr. Together, Dr Song Kok Ha from the General Hospital Clinic and Dr Kay, tell us about care and decay of teeth. Dr Song first explains the high rate of dental decay of children here in Brunei. Also, what parents can do to encourage oral hygiene. Sweets, incidentally, are not the cause for decay, provided they are eaten at the "right" time. We also discuss the role that "modern", i.e. soft, sweet foods play in tooth-decay. One horrifying thought comes to mind is "Have our teeth forgotten their function, and that is, to chew?"

To find out, join us tomorrow night at 9.00 p.m. or on 15th May at 12.45 p.m. for a repeat broadcast.



Ranchangan Radio sa-tiap minggu mengembara ka-daerah2 pendalaman untok meninjau masalah2 kampong bagi ranchangan dari Kampong Ka-Kampong. Tengkorak2 (ratusan) pendalaman ini rupa-nya sangat2 menarik perhatian pelanchong2 luar negeri. Se-gitu-lah chatetan yang di-dapati di-situ.



Dalam siri ini Simon Templar (the Saint), merasa senang dalam perjalanan-nya pulang bersama sa-orang wanita chantek. Tapi keadaan ini dengan cepat berubah bila dia meletakkan kereta-nya dan di-liputi oleh gas yang di-buchorkan. Dia datang dan mendapati diri-nya sendiri di-belunggu, di-butakan dan di-bawa ka-arrah lain. Sudah tentu teman wanita-

nya itu tidak lagi sa-chantek dulu.

Dia sedar semula dan kesedaran-nya ini hanya membawa-nya untok mendengar suara yang misteri yang mengancam untok membinasakan London jika sa-orang wanita yang chantek tidak di-panchong di-khalayak ramai.

Untok membuktikan kehendak-nya itu beberapa letupan bom meletus di-

London. Siapa-kah yang bertanggung-jawab ka-atas peristiwa ini? Boleh-lah Simon menghalang-nya tepat pada masa-nya?

Siri ini akan awda ikuti pada hari Ahad 13hb Mei, 1979 jam 7.10 malam.

GAMBAR atas menunjokkan salah satu adegan dalam siri "Return of the Saint" yang bertajok "The Armageddon Alternative."

Susunan ranchangan MINGGUAN RADIO

RABU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Majallah sain dan perusahaan (SU); 8.30 — Chitra irama; 9.00 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Cherpen dan salokan-nya; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Ruangan muda mudi; 11.00 — Hiboran; 11.30 — Autograph pendengar. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tahu kah awda?; 1.30 — Sekitar masyarakat (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama disenja; 6.00 — Tafsir Al-Koran (SU) — Azan fardhu magrib dan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Permintaan parajurit — Azan fardhu isha; 7.30 — Sekolah ka-sekolah (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mengenang zaman silam; 9.00 — Terima-lah sampul surat/Dari bengkel penulis; 9.30 — Usaha jaya; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

KHAMIS

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.15 — Rampaian London (SU); 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Varia Peristawa (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Hiboran selingan; 10.30 — Teman mekar (SU); 11.00 — Usaha Jaya (SU); 11.30 — Dari Kampong ka-kampung. **T/HARI:** 12.00 — Selingkar madah — Azan fardhu dzohor; 12.15 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Kisah dan tauladan; 1.30 — Tunas harapan. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Siri muk-kadam; 6.00 — Mari berzikir — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Hidayat — Azan fardhu isha; 7.30 — Permainan gambus; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Mari berpantun (SU); 9.00 — Sandiwara radio; 9.30 — Tahukah awda? (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

JUMAAT

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 7.45 — Siri muk-kadam (SU); 8.00 — Pertanian

dan perikanan; 8.30 — Pelajaran dewasa di-udara; 9.00 — Apa pilihan awda; 9.30 — Tafsir Al-Koran; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Apa pendapat awda; 10.30 — Kursus Al-Koran; 11.00 — Peristawa Dalam Sa-minggu; 11.30 — Tunas Pendidek. **T/HARI:** 12.00 — Permainan gambus; 12.30 — Menunaikan sembahyang fardhu Jumaat siaran langsung dari Masjid Omar Ali Saifuddin; 1.15 — Irama padang pasir; 1.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.45 — Selingan irama. **PETANG:** 2.00 — Untok Belia; 2.30 — Suara dari bintang2; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Soalan di-udara; 3.30 — Mutika 79 — Azan untok fardhu asar; 4.00 — Suara dari pusat tingkatan enam; 4.30 — Di-bumi bertuah; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat; 6.00 — Irama lagu asli — Azan untok fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Cherpen dan Salokan-nya — Azan fardhu isha; 7.30 — Brunei Graduates; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Kisah dan tauladan (SU); 9.00 — Autograph pendengar; 9.30 — Chitrawara; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SABTU

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Apa pendapat awda (SU); 8.15 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Chitrawara (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.10 — Selingan irama; 10.30 — Panorama radio (SU); 11.00 — Majallah shell (SU); 11.30 — Suara dari bintang2 (SU). **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Brunei Graduates (SU); 1.30 — Ruangan Bertutoran. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Buloh perindu — Azan magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran;

6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Chitra irama (SU) — Azan isha; 7.30 — Tunas harapan (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Selingkar madah (SU); 9.00 — Bertuturan; 9.30 — Suara pusat tingkatan enam (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

AHAD

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Mastika radio; 8.30 — Dunia wanita; 9.00 — Keluarga si-awang; 9.30 — Taman mekar; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Surat dari London; 10.30 — Hello Siapa di-sana; 11.00 — Bengkel penulis/Terima sampul surat; 11.30 — Sekolah ka-sekolah. **T/HARI:** 12.00 — Sandiwara radio; 12.15 — Azan fardhu dzohor; 12.30 — Rampaian tengah hari; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Pesta ria/Persembahan pancharagam; 1.45 — Ruangan ketani. **PETANG:** 2.15 — Suara Pulis Diraja; 3.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 3.10 — Mari Berpantun — Azan asar; 3.46 — Mengenang Zaman Silam; 4.00 — Arena Sokan; 4.30 — Majallah shell; 5.00 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Komintang radio; 6.00 — Buloh perindu (SU) — Azan magrib; di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Suara parajurit — Azan isha; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Sekitar masyarakat; 9.00 — Keluarga jaya; 9.30 — Mari berzikir (SU); 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Pimpinan illahi 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

ISNIN

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Peristawa dunia minggu ini; 8.30 — Dendang antarabangsa; 9.30 — Sain dan perusa-

haan; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.15 — Berdendang dengan ku; 10.30 — Suara parajurit (SU); 11.30 — Dari jiran tetangga. **T/HARI:** 12.00 — Komintang radio (SU) — Azan dzohor; 12.30 — Hiboran ramaian; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Keluarga jaya (SU); 1.30 — Dendang asli. **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.03 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Irama di-senja — Azan magrib di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Arena sokan (SU) — Azan isha; 7.30 — Keluarga si-awang (SU); 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Tamu minggu ini; 9.00 — Pertanian dan perikanan; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

SELASA

PAGI: Bacaan ayat2 suci Al-Koran dan makna-nya; 6.30 — Madah dan lagu; 6.50 — Bingkisan hari ini; 7.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 7.05 — Pimpinan illahi; 7.10 — Dendang suria; 8.00 — Dunia wanita (SU); 8.30 — Varia peristawa; 8.45 — Dendang antarabangsa; 9.45 — Rampaian London; 10.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 10.05 — Senandung ria; 10.30 — Sa-minggu dalam kenangan (SU); 11.00 — Mastika radio (SU); 11.30 — Pop Science music. **T/HARI:** 12.00 — Ku sampaikan salam — Azan fardhu dzohor; 12.45 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 1.00 — Tamu minggu ini; 1.30 — Pelajaran dewasa di-udara (SU). **PETANG:** 2.00 — Siaran Melayu berhenti rehat. 5.02 — Harian radio; 5.30 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 5.45 — Persembahan anika instrumental — Azan fardhu magrib, di-ikuti dengan bacaan ayat2 suci Al-Koran; 6.50 — Bingkisan hari ini. **MALAM:** 7.00 — Ruangan ketani (SU) — Azan untok fardhu isha; 7.30 — Salam dari ku; 8.00 — Tanda Waktu dan Warta Berita; 8.15 — Berita2 tempatan dalam Bahasa Dusun dan Iban; 8.30 — Lambaran Dalam Sa-minggu; 9.00 — Chator (SU); 9.15 — Di-bumi bertuah (SU); 9.45 — Senandung Asli; 10.00 — Tanda Waktu dan Rengkasannya; 10.05 — Pimpinan illahi; 10.10 — Senandung malam; 10.23 — Do'a restu; 10.30 — Siaran Melayu di-tamatkan.

RANCHANGAN RADIO BAHAGIAN INGGERIS

WEDNESDAY

AM: 6.58 — Opening Announcement; 7.00 — World News (BBCWS Relay); 7.10 — Local News; 7.15 — Musical Hour; 8.15 — Radio Newsreel (BBCWS Relay); 8.30 — Close Down. 11.00 — Opening Announcement — Lunch Music. **NOON:** 12.00 — Hits In Germany (repeat); 12.30 — News; 12.45 — International Money Programme; 1.00 — Ready to Roll introduced by Sheikh Abbas; 1.30 — Close Down. 8.00 — Opening Announcement — Hot Questions — Cool Replies (repeat); 8.15 — Midweek Greetings by Jaafar Yaakob; 8.45 — Dateline; 9.15 — News; 9.30 — Free Time (repeat); 10.00 — Close Down.

THURSDAY

